

Mahathir ajak Muslim teliti kehendak zaman

PETALING JAYA, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan masyarakat Islam belajar meneliti perkembangan masa kini mengikut peradaban Islam untuk memastikan kemajuan dan keteguhan ummah.

Perdana Menteri berkata penelitian seperti itu juga perlu untuk menyesuaikan ajaran al-Quran dan sunnah dengan keadaan masyarakat sekarang.

"Al-Quran dan sunnah adalah penunjuk jalan kepada manusia. Ia mungkin tidak dapat diubah untuk perkara tertentu.

"Tetapi dalam banyak hal ia boleh dijadikan garis panduan bagi membolehkan kita menggubal atau merancang pelbagai usaha untuk menyelesaikan masalah masa kini," katanya ketika merasmikan Seminar Pengurusan Islam anjuran bersama Bank Pembangunan Islam (IBD) dan Kementerian Pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata umat Islam pernah mencapai zaman kegemilangannya kerana mengamalkan dasar itu.

Bagaimanapun, katanya, keagungan Islam beransur pudar apabila umatnya tidak menyesuaikan ajaran Islam dengan kehendak zaman.

"Selepas 800 tahun menduduki Sepanyol, umat Islam terpaksa tunduk kepada Kristian kerana pada masa itu, ahli pentadbir Islam gagal menyesuaikan ajaran Islam dengan keadaan sekeliling. Mereka masih cuba menyelesaikan masalah pada abad ke-15 dengan kaedah abad ketujuh," tegasnya.

Selain itu, kejatuhan Islam juga berpunca daripada pemimpin yang hilang pedoman kerana kuasa dan kekayaan.

"Mereka menjadikan sistem politik dan pentadbiran sebagai tempat untuk mencapai kepentingan peribadi," katanya.

Sikap

Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah orang Islam yang mendesak ditukar segala sistem pentadbiran yang didakwa tidak Islam.

"Usaha mengadakan satu sistem pengurusan yang sesuai dengan Islam serta setanding dengan sistem Barat tidak akan membawa kejayaan sekiranya kita terus ingin menjadikan diri kita berbeza," tegasnya.

Katanya, sebagai agama yang menganjurkan kebaikan, Islam mempunyai persamaan dengan fahaman Kristian dan Hebrew.

"Perbezaannya yang nyata ialah Islam adalah satu panduan hidup yang lengkap dan sesuai untuk setiap zaman," tegasnya.

Katanya, usaha untuk

memajukan sistem pengurusan Islam sering tersekat kerana masih ada golongan yang ingin menyelesaikan masalah mengikut cara lama.

"Pengalaman adalah berguna tetapi ia bukan sesuatu yang muktamad dalam pengertian Islam," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sikap tradisi statik umat Islam bertentangan dengan perkembangan agama itu dan faham taqlid mereka seolah-olah memisahkan Islam dengan kepentingan dan keadaan manusia.

Mengenai sistem pengurusan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hanya keadilan dalam pengurusan Islam membezakannya dengan sistem pentadbiran lain.

"Islam membenarkan kita mencari untung asalkan ia tidak mendatangkan masalah kepada orang lain," tegasnya.

Katanya, pengurus Islam sepatutnya mencontohi Rasulullah yang sentiasa bersifat jujur.

"Kejujuran dalam Islam sangat penting sehinggakan sesuatu perjanjian bertulis kadangkala tidak perlu di kalangan umatnya. Kata-kata orang Islam sepatutnya menjadi hartanya paling berharga," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta umat Islam memperbaiki sistem pengurusan mereka supaya lebih berkesan dan tidak memandang rendah orang yang gagal mencapai cita-cita.